LATIH TUBI PERIBAHASA.

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia _____.
A buta hati
B buta huruf
C buta kayu
D buta gaji

2 Munirah tidak mempunyai kakak dan adik. Oleh sebab itu dia dianggap _____ .
A anak buah
B anak emas
C anak tunggal
D anak bongsu

3 Semasa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu, adik tidak henti-henti berbual kerana adik _____.
A otak cair
B otak udang
C mulut murai
D mulut tempayan

4 Amirul mengambil sekeping roti berkrim sebagai _____ sebelum
pergi ke sekolah.
A alas perut
B ikat perut
C perut busuk
D perut kosong

5 Kesemua _____ Tuan Haji Azhar dan Puan Hajah Azilah sudah mendirikan rumah tangga.
A anak tut
B anak tiri
C anak bini
D anak beranak

6 Azizi dan anak-anaknya _____ kerana sebaik sahaja mereka sampai
jamuan mula dihidang.
A langkah kanan
B langkah bendul

LIVEWORKSHEETS

C langkah seribu
D langkah kiri

7 Puan Basrah masih _____ meneruskan perniagaan suaminya walaupun tidak mendapat sokongan daripada anak-anaknya.
A geli hati
B makan hati
C cekal hati
D isi hati

8 Semua barang itu dijual dengan _____ dalam Pameran Jom
Heboh.
A harga diri
B harga mati
C tanda mata
D tanda harga

9 Pada malam itu, Shamimi _____ sehingga dia tidak menyedari bilik tidurnya telahdicerobohi pencuri.
A pekak badak
B lepas tangan
C makan hati
D tidur mati

10 Pengadil bola sepak antara sekolah saya dengan sekolah jiran dicaci oleh para penonton kerana _____ semasa mengadili perlawanan tersebut.
A banyak mulut
B berat sebelah
C angkat kaki
D lepas tangan

12 Siti Norhana dan Nurul Amirah _____kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.
A bagai ayam disambar helang
B bagai anjing dengan kucing
C bagai katak di bawah tempurung
D bagai melepaskan batuk di tangga

14 Puan Zainab _____ kerana lima ahli keluarganya telah maut dalam kemalangan itu.
A bagai melepas anjing tersepit
B bagai dihiris dengan sembilu
C bagai ayam disambar helang
D bagai kaca jatuh ke batu

LIVEWORKSHEETS

15 Fatimah dianggap _____ kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.
A seperti lipas kudung
B seperti ayam berak kapur
C seperti bulan penuh purnama
D seperti kera sumbang

16 Setelah kematian ayah dan ibu, kehidupan Azira dan adik-adiknya _____ .
A bagai mendukung biawak hidup
B bagai ayam mengeram telur
C bagai pahat dengan penukul
D bagai wau putus tali

18 Hidup Mak Timah _____kerana setalah suaminya meninggal dunia dua bulan lalu, rumahnya pula terbakar.
B seperti tikus jatuh ke beras
C seperti mendukung biawah hidup
D seperti sudah jatuh ditimpa tangga

19 Jalan raya menuju ke Cameron Highlands agak curam dan bengkang-bengkok seperti _____ .
A bumi dengan langit
B aur ditarik songsang
C pinang dibelah dua
D ular kena palu

20 Razali _____ kerana setelah berjaya menjawat
jawatan yang tinggi di bandar dia telah melupakan ibu bapanya di kampung .
A enau dalam belukar
B kacang lupakan kulit
C aur dengan tebing
D dakwat dengan kertas

LIVEWORKSHEETS